

Norul Awatif Romli
dan Safuri Kamarudin

Sik

Seorang wanita warga emas orang kelainan upaya (OKU) berdepan detik mencemaskan apabila hampir dihanyutkan arus selepas rumahnya dimasuki air dalam kejadian banjir kilat di Kampung Kuala Begia, di sini, jam 5 pagi semalam.

Mangsa Siti Mariam Mahmud, 64, kudung kaki kanan berikutan dipotong sejak dua tahun lalu akibat penyakit kencing manis dikatakan tidur bersendirian di ruang tamu.

Dia bagaimanapun, terjaga sebaik terdengar bunyi deruan kuat dipercayai air sungai berdekatan rumahnya sebelum mendapati seluruh rumah dipenuhi air yang mencecah lantai katilnya.

Terkejut dengan itu, dia menyerit meminta pertolongan seorang anaknya yang tidur di bilik bersebelahan ruang tamu.

"Jika tinggal bersendirian ketika kejadian mungkin katil mak cik dihanyutkan air.



KEADAAN kenderaan separuh tenggelam akibat banjir kilat di Kampung Banggol Chicar, Sik.

BANJIR MELANDA

Nyaris hanyut

■ **Warga emas kudung kaki tidur bersendirian di ruang tamu diselamatkan anak**

"Sehingga kini, mak cik masih trauma dengan kejadian yang menimpa kerana tidak pernah mengalaminya sebelum ini.

"Bagaimanapun, mak cik bersyukur kerana terselamat berikutan tindakan pantas

anak lelaki yang mengangkut dan membawa mak cik ke tempat lebih selamat," katanya.

Sementara itu, hujan lebat lebih tiga jam melanda daerah di Baling mengakibatkan 14 kampung, khususnya

Kupang dan Kuala Ketil dilanda banjir kilat.

Dalam kejadian itu, 50 keluarga terjejas apabila air Sungai Ketil melimpah ke kawasan kediaman penduduk.

Antara kampung terjejas ialah Kampung Banggol Chi-



PENDUDUK melihat jalan kampung rosak selepas air surut.

“

Jika tinggal bersendirian ketika kejadian mungkin katil mak cik dihanyutkan air”

Siti Mariam Mahmu

car, pekan Kupang, Kampung Belakang Sekolah Kupang, Tanah Perio, Kampung Raja, Bendang Sera, Kuala Samak, Tembak A, Kampung Gua Reban, Tanjung Merbau, Kampung Sadek, Bukit Tinggi, Kampung

Jerai dan Kampung Tanjung.

Difahamkan, hujan lebat mula melanda seawal jam 2 pagi dan berlarutan sehingga Subuh namun tiada mangsa dipindahkan berikutan paras air mula surut secara berperingkat.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Baling Shamsul Izrin Isahak, mengesahkan kejadian itu dan berkata bantuan awal dalam bentuk makanan segera dihantar pihaknya bersama Pejabat Khidmat Ahli Parlimen Baling.

"Sehingga kini, pemantauan masih dilakukan dengan kerjasama semua agensi berkaitan kerana keadaan cuaca masih mendung dengan risiko hujan melanda juga cukup tinggi.

"Apapun, kita minta penduduk berpindah jika paras air meningkat melebihi paras berbahaya kerana bimbang kejadian tidak diingini, termasuk kehadiran haiwan berbisa seperti ular yang memasuki rumah bagi mencari lokasi selamat," katanya.